

Soal tidak puashati pembahagian kerusi sudah biasa — PM

KUALA LUMPUR 14 Julai — Pengerusi Barisan Nasional Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata soal tidak puashati di kalangan parti - parti politik berhubung dengan pembahagian kerusi menjelang pilihanraya sudah menjadi perkara biasa.

"Itu sudah menjadi adat berkongsi," katanya ketika diminta mengulas tentang formula yang digunakannya untuk memperuntukkan kerusi - kerusi kepada parti - parti komponen.

Beliau yang ditemui selepas merasmikan konvensyen bahasa kebangsaan anjuran Biro Kebudayaan UMNO di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya di sini pagi ini menambah, sehingga sekarang belum ada sebarang kata putus mengenai pembahagian kerusi.

Bagaimanapun, tegas beliau, soal itu akan dibincangkannya dengan Timbalan Perdana Men-

teri, Encik Ghafar Baba dahulu.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan tidak mungkin kesemua parti komponen akan diketepikan dalam soal ini, "kita semua perlu berkorban dan kerana itu ada yang tidak akan berpuashati."

"Jika tidak saya ini malaikat," katanya.

Mengenai pilihanraya pula, Perdana Menteri memberitahu, soal itu selalu dibincangkan termasuk dalam mesyuarat biro politik yang akan diadakan pada malam ini.

"Ia mungkin akan diadakan tahun ini ataupun tahun hadapan tetapi apa yang penting ia akan dibincangkan," ujarnya.

Mengenai laporan akhbar yang menyatakan HAK cuba untuk memikat Gerakan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, PAS boleh memujuk parti itu jika mereka mahu.

Bagaimanapun, ujar-

nya, hanya segelintir sahaja manusia yang boleh ditarik pada satu masa tetapi bukan semua manusia pada masa yang sama.

Katanya, sehingga sekarang beliau tidak nampak sebarang masalah dengan parti - parti komponen kerana kerjasama telahpun lama wujud.

Di samping itu, parti-parti komponen telah juga mengenali satu sama lain.

Bersidang

Sementara itu Biro Politik UMNO yang bersidang malam ini dipercayai membincangkan tarikh yang sesuai untuk mengadakan pilihanraya umum.

Di samping menentukan tarikh pilihanraya yang menjadi agenda utama mesyuarat biro itu juga membincangkan bila Dewan Rakyat elok dibubarkan untuk membolehkan pilihanraya

umum diadakan.

Utusan difahamkan kata putus untuk menentukan tarikh mengadakan pilihanraya umum mesti diputuskan malam ini juga kerana perkara berkenaan akan dilaporkan kepada mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang akan bersidang pada 18 Julai ini.

Kesemu ahli biro politik yang terdiri dari Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir, Datuk Musa Hitam, Encik Ghafar Baba, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Amar Wan Mokhtar Ahmad Setiausaha Agong UMNO, Datuk Sanusi Junid, Ketua Pemuda UMNO, Encik Anwar Ibrahim dan Ketua Wanita UMNO, Datin Paduka Rafidah Aziz dijangka hadir.

Adalah dipercayai antara faktor - faktor yang akan diambil kira dalam menentukan tarikh pilihanraya termasuk cuti persekolahan penggal kedua yang bermula pada 28 Julai ini, dan

berakhir pada 8 Ogos, pemergian dan kepulangan hampir 30,000 orang jemaah haji dari Mekah, dan perhimpunan pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO pada 31 Julai ini.